

07 NOV 1997

Kanada-Pelaburan

KANADA YAKIN DENGAN EKONOMI MALAYSIA WALAUPUN DILANDA KRISIS

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Kanada yakin Malaysia masih merupakan rakan kongsi perniagaan dan kawasan pelaburan yang penting walaupun kini menghadapi krisis ekonomi dan percaya Malaysia mampu mengatasi masalah itu.

Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia Andre' S. Simard hari ini berkata, kerajaan Kanada telah berterusan memaklumkan kepada pelabur Kanada mengenai potensi pelaburan yang luas di Malaysia dan perkongsian dengan ahli perniagaan Malaysia.

"Turun naik mata wang sudah tentu membuatkan orang berhati-hati buat sementara. Tetapi kita yakin yang ekonomi Malaysia adalah cukup kukuh dan mampu menghadapi tempoh kritikal ini," katanya pada persidangan berita mengenai Dialog Pemimpin-pemimpin Perniagaan Kanada-Malaysia di sini.

Sambil menyifatkan hubungan perniagaan antara Kanada-Malaysia sebagai "amat menggalakkan", Simard berkata lebih 80 syarikat Kanada kini melabur dan beroperasi di Malaysia.

Sejak lawatan Perdana Menteri Kanada Jean Chretien ke negara ini awal tahun ini, sejumlah 43 kontrak bernilai RM802 juta telah ditandatangani, meningkatkan lagi hubungan perniagaan antara kedua-dua negara.

Pada tahun ini sahaja, perdagangan antara Malaysia dan Kanada berjumlah RM4.8 bilion (Can \$2 bilion), yang lebih menguntungkan Malaysia sebanyak tiga kali ganda, katanya.

Simard berkata, Kanada berminat untuk bekerjasama dengan usahawan Malaysia untuk menjalankan projek-projek di negara-negara dunia ketiga terutama dalam industri kecil dan sederhana (IKS).

Sementara itu, Presiden Institut Kepimpinan dan Strategi Asian (ASLI) Mirzan Mahathir berkata, ahli perniagaan Malaysia harus mengambil peluang yang ditawarkan oleh Kanada dalam industri berteknologi tinggi terutama dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Katanya, masyarakat perniagaan Malaysia tidak boleh menjadikan krisis mata wang kini sebagai alasan untuk tidak melabur di negara-negara lain seperti Kanada tetapi sebaliknya melihat dari segi peluang pelaburan jangka panjangnya.

"Kita harus menggunakan peluang ini untuk meningkatkan produktiviti, menggunakan kemudahan IT dan berjuang secara kompetitif di peringkat global," katanya.

Mirzan berkata, Dialog Pemimpin-pemimpin Perniagaan Kanada-Malaysia yang akan diadakan di Ottawa, Kanada adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk mempertemukan sektor swasta kedua-dua negara bagi membolehkan mereka menjalin perdagangan dan pelaburan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan berada di Kanada untuk menghadiri sidang kemuncak Pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), dijadual akan menyampaikan ucapan utama bertajuk "Malaysia dan Kanada: Memelihara Perkongsian Bijak Bagi Kesejahteraan Bersama" pada dialog itu pada 21 Nov.

Dialog anjuran bersama ASLI dan Dewan Perniagaan Kanada itu akan dirasmikan oleh Jean Chretien.

Kira-kira 100 ahli perniagaan dari Malaysia dijangka menghadiri dialog dua hari itu. Antara pembentang kertas kerja ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Datuk Dr Mohd Munir Abdul Majid. --

BERNAMA

NI RHM

